



JABATAN PERDANA MENTERI,
MALAYSIA,
JALAN DATO' ONN,
50502 KUALA LUMPUR

Telefon: 2301957

KAWAT: PERDANA

Ruj. Kami: PM.10034 Jld.
IV/(40)

Tarikh: 31 Mei 1986

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun/Kuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BILANGAN 2 TAHUN 1986

PEMBAHAGIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MENGENAI
PERANCANGAN TENAGA MANUSIA

1. TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan bahawa Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri akan terus bertanggungjawab terhadap perancangan tenaga manusia di peringkat nasional yang meliputi keseluruhan ekonomi dan negara. Bagi mencapai tujuan tersebut, Unit Perancang Ekonomi akan dibantu oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, yang bertanggungjawab keatas perancang tenaga manusia bagi sektor awam, dan oleh Kementerian Buruh yang bertanggungjawab mengenai perancangan tenaga manusia di sektor swasta. Disamping itu, Kementerian Pelajaran, Kementerian

Perdagangan dan Perindustrian serta Jabatan Perangkaan juga dikehendaki untuk memainkan peranan membantu dengan lebih berkesan.

1.2. Dengan ketetapan ini juga, MAMPU tidak lagi menjalankan tugas dan tanggungjawab di bidang perancangan tenaga manusia. Unit Perancang Ekonomi telah diberi tanggungjawab untuk merancang tenaga manusia bagi keseluruhan negara selaras dengan peranan, tugas dan tanggungjawabnya sebagai sebuah agensi pusat perancangan pembangunan negara. Penyusunan semula ini akan memperbaiki kecekapan, kekesan dan penyelarasan perancangan sumber tenaga manusia dalam konteks proses perancangan pembangunan ekonomi negara pada keseluruhannya.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNIT PERANCANG EKONOMI

2.1. Untuk melaksanakan fungsi perancangan tenaga manusia di peringkat nasional, tanggungjawab Unit Perancang Ekonomi adalah meliputi tiga aspek iaitu perancangan, penyelarasan dan pengawasan. Di antara lain, tugas-tugas yang berbentuk perancangan ialah:

- (i) mengenalpasti penawaran tenaga manusia yang berasaskan kepada kependudukan, tenaga buruh dan kadar penyertaan tenaga buruh bagi tempoh perancangan pertengahan dan panjang;

- (ii) mengunjur gunatenaga yang wujud akibat daripada pertumbuhan ekonomi mengikut kategori kemahiran dan sektor;
- (iii) mengenalpasti program kemajuan tenaga manusia yang diperlukan berdasarkan kepada keperluan tenaga manusia; dan
- (iv) menyediakan maklumat tenaga manusia sebagai 'input' kepada penggubalan Dasar Tenaga Manusia Negara untuk membantu perancangan kewangan serta projek-projek pembangunan yang utama.

2.2. Tugas-tugas yang berbentuk penyelarasan pula adalah seperti berikut:

- (i) menyelaras kesemua fungsi perancangan tenaga manusia di peringkat nasional;
- (ii) menyelaras dasar-dasar berkaitan dengan tenaga manusia; dan
- (iii) menyelaras program pengeluaran tenaga manusia daripada institusi-institusi latihan sektor awam dan sektor swasta.

2.3. Antara lainnya, tugas-tugas pengawasan adalah meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) mengawas pelaksanaan fungsi perancangan tenaga manusia.

- (ii) mengawas pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan tenaga manusia.

2.4. Disamping itu, Unit Perancang Ekonomi juga akan mengenalpasti serta menjalankan/menyelaraskan pengendalian kajian-kajian khusus berkaitan dengan tenaga manusia yang meliputi kedua-dua sektor awam dan sektor swasta.

3. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

3.1. Jabatan Perkhidmatan Awam pula adalah bertanggungjawab untuk merancang tenaga manusia bagi keseluruhan sektor awam; menyelaraskan tugas-tugas perancangan tenaga manusia yang dilaksanakan oleh semua agensi Kerajaan; mengawasi pelaksanaan perancangan tenaga manusia di peringkat agensi; dan membekal tenaga manusia terlatih sesuai dengan perancangan yang telah diadakan.

4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN BURUH

4.1. Tanggungjawab Kementerian Buruh di dalam perancangan tenaga manusia bagi sektor swasta ialah mengesan perkembangan pasaran buruh dan mengemukakan cadangan-cadangan mengenai tenaga manusia di sektor swasta; dan menjalankan latihan perindustrian selaras dengan dasar-dasar kemajuan tenaga manusia yang telah ditetapkan. Kementerian Buruh juga memainkan peranan

yang penting sebagai agensi penghubung diantara sektor swasta dengan agensi perancangan tenaga manusia sektor awam, khususnya didalam aspek pengendalian dan pembiayaan latihan kemahiran perindustrian.

5. JENTERA PERANCANGAN TENAGA MANUSIA

5.1. Sejajar dengan pembahagian tugas dan tanggungjawab seperti di atas itu, Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kecil mengenai Perancangan Tenaga Manusia. Tujuannya ialah untuk menggubal dan mengawasi pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan tenaga manusia secara menyeluruh supaya proses perancangan tenaga manusia menjadi lebih berkesan dan memperkukuhkan pertalian di antara perancangan tenaga manusia dengan perancangan pendidikan dan perancangan ekonomi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan diurusetiakan oleh Unit Perancang Ekonomi. Susunan jentera perancangan ini ditunjukkan secara rajah seperti di Lampiran 'A'.

6. PERANAN MAMPU

6.1. MAMPU akan diberi peranan serta tanggungjawab yang baharu meliputi dua bidang utama iaitu pemodenan tadbiran dan perundingcara pengurusan (consultancy). Tugas pemodenan tadbiran jentera Kerajaan sememangnya

ada pada MAMPU sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1977 dan peranan ini akan terus dipergiatkan. Peranan sebagai perundingcara pengurusan, merupakan peranan baharu bagi menggantikan perancangan tenaga manusia.

6.2. Dalam memainkan peranannya sebagai perundingcara pengurusan kepada Kerajaan, MAMPU akan menumpukan perhatian kepada usaha-usaha memperkesan dan meningkatkan lagi tahap prestasi sistem pentadbiran dan organisasi Kerajaan, khususnya dalam aspek-aspek mengenai produktiviti, kekesanan dan kecekapan. MAMPU juga akan memberi bimbingan dan bantuan secara langsung kepada perjalanan unit-unit perkhidmatan pengurusan yang wujud di Kementerian-Kementerian.

7. PENGUATKUASAAN

7.1. Surat Pekeliling Am ini membatalkan Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1979 dan berkuatkuasa mulai daripada 1 Jun 1986.

8. PENUTUP

8.1. Melalui penjelasan ini, adalah diharap semua agensi Kerajaan mengambil perhatian diatas penentuan dan pembahagian tugas dan tanggungjawab di antara agensi-agensi utama perancangan tenaga manusia negara. Pembahagian tugas ini hendaklah dipatuhi oleh semua

pihak dan digunakan sepenuhnya di dalam segala urusan yang berhubung dengan proses perancangan dan pelaksanaan fungsi-fungsi tenaga manusia. Kerjasama serta sokongan yang penuh semua agensi terhadap ketiga-tiga agensi utama ini adalah dikehendaki supaya perancangan tenaga manusia dapat dilaksanakan dengan berkesan dan jayanya. Segala pertanyaan mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Jabatan Perkhidmatan Awam,
Bahagian Perjawatan,
Tingkat 3-13 & 15, Wisma BERNAMA,
Jalan Tun Razak,
50510 KUALA LUMPUR.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '




(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

JENTERA PERANCANGAN TENAGA MANUSIA



PETUNJUK

- LKTM : Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia
- JPPN : Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara
- UPE : Unit Perancang Ekonomi
- JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam